

ENO FRUIT SALT

Sodium Carbonate, Sodium Bicarbonate, Citric Acid (10%, 46.38%, 43.62%)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ENO Fruit Salt
2. Bagaimana ENO Fruit Salt berfungsi
3. Sebelum menggunakan ENO Fruit Salt
4. Cara menggunakan ENO Fruit Salt
5. Semasa menggunakan ENO Fruit Salt
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ENO Fruit Salt
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan ENO Fruit Salt
Untuk melegakan ketidakadaman asid.

Bagaimana ENO Fruit Salt berfungsi

Ia membantu meneutralkan asid berlebihan dalam perut dan saluran perut. Sodium bicarbonate dan citric acid bertindak balas dalam segelas air untuk membentuk sodium citrate. Sejumlah kecil sodium citrate, sodium bicarbonate dan sodium carbonate kekal dalam minuman. Sebagai antasid, fungsi utama sodium bicarbonate dan/atau sodium carbonate adalah bertindak balas dengan hydrochloric acid berlebihan dalam esofagus dan perut untuk membentuk sodium chloride, water dan carbon dioxide. Sodium citrate akan, dalam satu tempoh masa, membentuk sodium bicarbonate yang akan terus bertindak balas dengan hydrochloric acid.

Sebelum mengambil ENO Fruit Salt

- Bila tidak boleh menggunakannya
Jangan gunakan jika:

- Anda mempunyai masalah hati, jantung, atau buah pinggang
- anda mempunyai tekanan darah tinggi
- anda alah kepada sodium bicarbonate, sodium carbonate, citric acid, atau mana-mana bahan kandungan lain dalam produk ini.
- anda mengambil diet natrium yang rendah contohnya mereka

yang mempunyai tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung kongestif, tidak boleh menggunakan produk ini kecuali diarahkan oleh doktor.

- Sebelum mula menggunakan ENO Fruit Salt

Jangan gunakan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun and ke bawah. Sekiranya anda hamil atau menyusui, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Produk ini mengurangkan keasidan perut anda dan mungkin mengganggu bagaimana ubat-ubatan lain diserap. Oleh itu, sila ambil ubat-ubatan lain pada masa yang berbeza.

Cara menggunakan ENO Fruit Salt

Untuk kegunaan oral sahaja.

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:

- 4.3 g (satu paket atau serbuk sebanyak satu sudu 5 ml rata) dilarutkan dalam sekurang-kurangnya 1 cawan air. Minum apabila simptom berlaku.
- Dos kedua boleh diambil selepas 2-3 jam.
- Jangan mengambil dos kedua kurang daripada 2 jam selepas dos pertama.
- Jangan mengambil lebih daripada dua kali sehari.
- Jangan melebihi dos yang dinyatakan.

- Bila perlu digunakan

Apabila mengalami simptom ketidakadaman akibat asid.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan selama jangka masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jangan mengambil ubat ini lebih daripada 14 hari.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos ENO Fruit Salt, ambil secepat mungkin dan kemudian teruskan seperti biasa. Sekiranya anda hanya ingat pada masa dos berikutnya, ambil

jumlah dos biasa dan teruskan seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya terambil dos berlebihan, dapatkan nasihat perubatan.

Jika anda ambil dos berlebihan, anda mungkin mengalami sendawa, kerengsaan gastrik, kegelisahan, kelemahan, dahaga, pening kepala dan sakit kepala.

Semasa menggunakan ENO Fruit Salt

- Perkara yang perlu lakukan

Ambil dos yang dinasihatkan oleh doktor dan ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Produk ini mengandungi sodium (0.73g per dos atau paket)

- Jangan melebihi dos yang disyorkan.
- Jangan mengambil ubat ini lebih daripada 14 hari.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan harus dihentikan jika simptom- simptom anda berterusan atau bertambah teruk. Sila berjumpa dengan doktor anda untuk menyiasat punca ketidakselesaan perut anda.

Kesan-kesan sampingan

Kerengsaan gastrousus yang ringan, termasuk sendawa, angin perut, dan kembung perut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan ENO Fruit Salt

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada kelembapan. Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.

ENO FRUIT SALT

Sodium Carbonate, Sodium Bicarbonate, Citric Acid (10%, 46.38%, 43.62%)

- Pelupusan

Tidak ada langkah khusus untuk penggunaan atau pengendalian produk ini.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk putih yang terang dan mengalir dengan kilauan kristal. Apabila dilarutkan dalam air, ia menghasilkan larutan yang jelas tanpa warna dengan rasa yang menyegarkan.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Sodium carbonate

Sodium bicarbonate

Citric acid

- Bahan tidak aktif

Air tulen

Nombor MAL:

MAL19962144XR

Pengilang

Sterling Drug (Malaya) Sdn. Bhd.

LOT 89, Jalan Enggang,
Ampang/Hulu Kelang Industrial
Estate, 68000, Ampang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn Bhd (3467-X)

Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu
Kelang Industrial Estate, 68000
Selangor, Malaysia.

Tarikh semakan RiMUP

21/08/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)200919/00261